

PNB MERDEKA VENTURES SDN. BERHAD

(517991-A)

Tingkat 19, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2050 5100 Fax: 2050 5820

UNTUK SIARAN SEGERA

PNB MERDEKA VENTURES DAN HYATT HOTELS & RESORT BAWA HOTEL PARK HYATT KE KUALA LUMPUR

Park Hyatt Kuala Lumpur akan ditempatkan di menara tertinggi Kuala Lumpur di Presint Merdeka 118 berprestij menjelang tahun 2021

KUALA LUMPUR (27 Februari 2018) – PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad, anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang merupakan syarikat pengurus dana terbesar di Malaysia, dan Hyatt Hotels Corporation telah mengumumkan kerjasama mereka untuk membawa jenama Park Hyatt ke pembangunan berprestij Merdeka 118 di Kuala Lumpur.

Dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2021, hotel mewah ini akan berada di 17 tingkat teratas PNB 118, yang merupakan menara setinggi 118 tingkat yang dinanti-nantikan persiapannya. Menara ikonik ini bersebelahan Stadium Merdeka iaitu tempat bersejarah pengisytiharan kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957 yang merupakan khazanah negara dan tapak warisan yang diiktiraf oleh UNESCO. PNB 118 ini bakal memberi nafas baharu kepada wajah Kuala Lumpur dimana ia akan menjadi menara pencakar langit yang tertinggi di Asia Tenggara dan yang ketiga tertinggi di dunia apabila siap pada tahun 2020 nanti.

Dalam ucapan aluan beliau di upacara menandatangani perjanjian hari ini di Grand Hyatt Kuala Lumpur, Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, “PNB telah menggambarkan pembangunan berintegrasi di tengah-tengah tapak Warisan Kebangsaan ini akan memperkukuhkan kedudukan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang kaya dengan aspek sejarah dan inovasi, seterusnya menambah nilai tarikan bandaraya ini sebagai destinasi pelaburan dan pelancongan. Park Hyatt merupakan jenama antarabangsa terkenal yang sinonim dengan kemewahan dan menawarkan program-program seni, makanan dan minuman yang unggul. Jenama ini terdapat di bandar-bandar terkemuka di serata dunia termasuklah New York, Paris, Dubai, Sydney, Buenos Aries, Tokyo, Seoul dan kini di Kuala Lumpur. Kami amat mengalu-alukan kedatangan Park Hyatt Kuala Lumpur ke Menara PNB 118 dan menjadikan Kuala Lumpur antara destinasi utama yang mempunyai kehadiran jenama ini”.

“Hyatt Hotels turut berkongsi visi PNB untuk menjadikan tapak warisan ini sebagai salah satu lokasi rebutan ramai. Dengan memperkenalkan perkhidmatan serba mewah, kami yakin Park Hyatt Kuala Lumpur akan menyerlahkan lagi tarikan PNB 118 dan membantu dalam menjadikannya destinasi perniagaan dan gaya hidup yang unggul di Kuala Lumpur,” tambah Tan Sri Wahid.

Park Hyatt Kuala Lumpur adalah syarikat pertama yang bakal menyertai visi PNB dalam memberi nafas baharu kepada kawasan ini di Kuala Lumpur. Mercu tanda terbaharu di Malaysia ini bakal menjadi lokasi di mana budaya klasik dan kontemporari wujud bersama. Kawasan ini menempatkan tempat-tempat bersejarah dan diperingati seperti Stadium Merdeka, Stadium Negara, Sekolah Victoria Institution atau 'VI', Stadium Chin Woo dan Kuil Kuan Yin.

"Kami berasa amat teruja dengan kolaborasi bersama PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad dan menyokong visi mereka untuk terus meletakkan Kuala Lumpur sebagai satu destinasi yang bersejarah dan juga inovatif," kata David Udell, Pengerusi Kumpulan - Hyatt Hotels Corporation, Asia Pasifik. "Park Hyatt Kuala Lumpur yang baharu ini akan menjadi satu destinasi mewah di puncak yang tinggi dan akan menawarkan ketenangan kepada pengunjung-pengunjung tempatan dan juga dari luar negara. Kami amat gembira melihat hotel berjenama Park Hyatt pertama di Malaysia akan berada di salah satu menara ikonik bandar ini."

Kesemua cawangan Hotel Park Hyatt di serata dunia menawarkan keselesaan dan bilik-bilik yang disediakan menggabungkan aspek sofistikated dan keselesaan residensi mewah. Park Hyatt Kuala Lumpur bakal menawarkan 232 buah bilik tetamu, termasuk 28 buah *suite* dan 30 buah pangsapuri servis. Hotel berkeluasan anggaran 20,000 kaki persegi ini dilengkapi ruang persidangan yang indah dan sesuai untuk pelbagai acara, yang berinspirasi keselesaan dan kualiti yang dikaitkan dengan reka bentuk residensi mewah. Demi memenuhi citarasa istimewa para pengunjung, hotel ini akan menawarkan restoran yang boleh menempatkan 170 orang tetamu dan beroperasi sepanjang hari, dan juga sebuah 'sky bar and restaurant' yang boleh memuatkan 250 orang tetamu. Mengekalkan identiti Park Hyatt, Ruang Santai atau 'Ruang Tamu' yang boleh menempatkan 90 orang tetamu akan berada di tengah-tengah hotel, menggalakkan para pengunjung untuk bersantai dan beramah mesra. Dari segi aspek kesihatan pula, para tetamu Park Hyatt boleh menikmati keselesaan spa dengan enam bilik rawatan dan juga menggunakan pusat kecergasan yang dilengkapi peralatan canggih serta menenangkan diri di kolam renang yang berlatarkan pemandangan Kuala Lumpur yang menawan.

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad adalah pemilik Presint Merdeka 118. Projek penting ini merangkumi: PNB 118, sebuah menara yang meliputi 3 juta kaki persegi, di mana 1.65 juta kaki persegi adalah ruangan pejabat yang boleh disewa, Hotel Park Hyatt dan juga dek pemerhatian. PNB Merdeka Ventures mempunyai beberapa projek dalam perancangan termasuklah: sebuah pusat membeli belah; sebuah teater yang mampu menampung 1,000 orang penonton yang menyediakan ruangan sesuai bagi pameran budaya dan seni teater serta persembahan muzik dan hiburan; sebuah dewan mewah sesuai untuk menampung sehingga 2,000 orang tetamu; dan sebuah 'Linear Park' 3-ekar bercirikan air, sebagai ruang terbuka awam berlatarkan keindahan Menara PNB 118 untuk dinikmati rakyat Malaysia dan para pengunjung.

Menara PNB 118 dijangka akan siap dibina pada tahun 2020 dan akan dibangunkan bersama perancangan infrastruktur yang menyeluruh demi memudahkan perjalanan ke Presint tersebut sama ada menggunakan kenderaan awam atau kereta persendirian. Stesen Merdeka Mass Rapid Transit ("MRT") sudah mula beroperasi. Pembinaan-pembinaan asas bagi PNB 118 telah disempurnakan dan pembangunan-pembangunan infrastruktur akan bermula pada awal tahun 2018 yang merangkumi dua terowong bawah tanah yang memberi akses terus kepada Menara ini. Pembangunan akan disempurnakan dengan pembinaan beberapa laluan akses jalan melalui Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Duke 3 yang mewujudkan kemudahan untuk menuju ke kawasan pembangunan ini dan juga keluar daripada kawasan tersebut.

-TAMAT-

Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad ditubuhkan pada bulan Jun 2000 dan merupakan pemilik tanah Merdeka 118, yang turut merangkumi Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak "Warisan Kebangsaan" pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semenjak dari itu, PNB Merdeka Ventures telah menjalankan pelan pemuliharaan yang teliti, membolehkan Stadium Merdeka meraih anugerah Kecemerlangan Program Pemuliharaan Warisan Kebudayaan (Asia Pacific) UNESCO pada tahun 2008.

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM279 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Mengenai Park Hyatt

Hotel-hotel Park Hyatt menyediakan servis penginapan yang elegan dan mewah bagi para tetamu yang terkemuka dan berkemampuan. Para tetamu di hotel-hotel Park Hyatt menerima perkhidmatan peribadi khas dalam persekitaran selesa. Terletak di beberapa destinasi utama di seluruh dunia, setiap hotel Park Hyatt direka khas untuk menggabungkan kecanggihan dengan identiti serantau yang tersendiri. Hotel Park Hyatt menawarkan bilik-bilik yang serba lengkap, bilik mesyuarat dan ruang acara khas untuk berkumpul, program seni, makanan dan minuman yang diiktiraf, serta menawarkan restoran mewah oleh chef-chef yang bertaraf antarabangsa. Kini, terdapat 41 buah hotel Park Hyatt di lokasi-lokasi berikut: Abu Dhabi, Bangkok, Beaver Creek, Beijing, Buenos Aires, Busan, Canberra, Changbaishan, Carlsbad, Chennai, Chicago, Dubai, Goa, Guangzhou, Hamburg, Hangzhou, Hyderabad, Istanbul, Jeddah, Maldives, Mallorca, Melbourne, Mendoza, Milan, Moscow, New York, Ningbo, Paris, Saigon, Sanya, Seoul, Shanghai, Siem Reap, St Kitts, Sydney, Tokyo, Toronto, Vienna, Washington, DC, Zanzibar, Zurich. Untuk maklumat lanjut, sila layari parkhyatt.com. Ikuti @ParkHyatt di Facebook, Twitter dan Instagram, dan tag foto dengan #LuxuryIsPersonal.

Mengenai Hyatt Hotels Corporation

Hyatt Hotels Corporation, yang beribu pejabat di Chicago, adalah syarikat hospitaliti global terkemuka dengan portfolio 13 jenama utama. Setakat 30 September 2017, portfolio Syarikat termasuklah 739 buah hartanah di 57 buah negara. Matlamat penubuhan Syarikat iaitu untuk memberi layanan terbaik kepada para pelanggan menjana aspek perniagaan dan strategi pertumbuhan mereka dan bertujuan untuk menjana nilai bagi para pemegang saham, mewujudkan hubungan bersama pelanggan dan menarik rakan perniagaan terbaik dalam industri. Anak-anak Syarikat membangun, memiliki, mengendalikan, menguruskan, membuka francais, lesen atau menyediakan perkhidmatan kepada hotel, resort, kediaman ternama dan hartanah milikan percutian, termasuk di bawah **Park Hyatt®**, **Miraval®**, **Grand Hyatt®**, **Youz®**, **Hyatt Centric®**, **The Unbound Collection by Hyatt®**, **Hyatt Place®**, **Hyatt House®**, **Hyatt Ziva™**, **Hyatt Zilara™** dan jenama-jenama **Hyatt Residence Club®** dan bertempat di enam buah benua. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hyatt.com.

Dikeluarkan oleh:

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Liza Karim – Ketua, Komunikasi
PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

Tel: +603-2050 5100 | Faks: 03-2050 5820 | E-mel: lizakarim@pnb.com.my

Karen Chung, Pengarah Komunikasi Korporat, Asia Pasifik, Hyatt Hotels and Resorts

Tel: +852 2768 1234 | E-mel: karen.chung@hyatt.com

PNB MERDEKA VENTURES SDN. BERHAD

(517991-A)

Tingkat 19, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2050 5100 Fax: 2050 5820

FOR IMMEDIATE RELEASE

PNB MERDEKA VENTURES AND HYATT HOTELS & RESORTS TO BRING THE PARK HYATT BRAND TO KUALA LUMPUR

Park Hyatt Kuala Lumpur will take residence in Kuala Lumpur's tallest tower located in the prestigious Merdeka 118 Precinct by 2021

KUALA LUMPUR (February 27, 2018) – PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad, a wholly-owned subsidiary of Permodalan Nasional Berhad (PNB), Malaysia's largest fund management company, and Hyatt Hotels & Resorts have announced they are bringing the Park Hyatt brand to Kuala Lumpur's prestigious Merdeka 118 development.

Set to welcome guests in 2021, the luxury hotel will take residence in the top 17 floors of PNB 118, a highly anticipated 118-storey tower. The iconic Tower overlooks Stadium Merdeka, Malaysia's national treasure and a UNESCO heritage site, where Malaysia's independence was declared in 1957. PNB 118 will redefine the Kuala Lumpur skyline, and upon completion in 2020 will become the tallest building in Southeast Asia and the third tallest in the world.

Welcoming guests to the signing ceremony held today at Grand Hyatt Kuala Lumpur, PNB Group Chairman, Tan Sri Abdul Wahid Omar said, "PNB envisions the integrated development in the heart of our National Heritage site will further reinforce Kuala Lumpur as a city rich in both history and innovation thus adding to the city's position as an attractive investment and tourism destination. Park Hyatt is an international brand synonymous with intimate luxury, offering renowned art, food and beverage programs. The brand has locations in iconic cities around the world, including New York, Paris, Dubai, Sydney, Buenos Aires, Tokyo, Seoul, and now Kuala Lumpur. We are thrilled to welcome Park Hyatt to Kuala Lumpur's PNB 118 Tower and join the ranks of other prominent destinations where this luxury brand calls home."

"Hyatt Hotels shares PNB's vision of transforming this historic area into the most sought-after address. By introducing its signature luxury service, we are confident Park Hyatt Kuala Lumpur, will significantly enhance the appeal of PNB 118 and help make the area the new business and lifestyle district in Kuala Lumpur," added Tan Sri Wahid.

Park Hyatt Kuala Lumpur is the first establishment to join PNB's vision of breathing new life into this part of Kuala Lumpur. The newest landmark in Malaysia is set to become an area where classic and contemporary cultures co-exist. This area is home to historical and beloved sites such as Stadium Merdeka, Stadium Negara, the Victoria Institution School or "VI", Chin Woo Stadium and Kuan Yin Temple.

“We are delighted to collaborate with PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad and support their vision to continually reinforce Kuala Lumpur’s position as a historic and innovative destination,” said David Udell, Group President – Asia Pacific, Hyatt Hotels Corporation. “The new Park Hyatt Kuala Lumpur will be an oasis set high above the cityscape, and will provide tranquility to both local and international luxury connoisseurs. We are thrilled that our first Park Hyatt branded hotel in Malaysia will be located in what will soon be one of the city’s most iconic building.”

Park Hyatt hotels worldwide offer an oasis of calm, and guestrooms are designed with a blend of sophistication and upscale residential comfort. Park Hyatt Kuala Lumpur will feature 232 guestrooms, which will include 28 suites and 30 serviced apartments. The hotel will offer approximately 20,000 square feet of beautiful, yet functional meeting space for conferences and events, inspired by the comfort and qualities associated with luxurious residential designs. To meet guests’ passion for extraordinary dining experiences, the hotel will offer a 170-seat, all-day restaurant, and 250-seat destination sky bar and restaurant. True to the Park Hyatt brand, the 90-seat Lounge or ‘Living Room,’ will be the center of the property, inviting guests to connect with one another. For health and well-being, guests can enjoy the six-treatment room spa, unwind at the comprehensive, state-of-the-art fitness center, or relax in the pool, featuring breathtaking Kuala Lumpur city views.

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad is the owner of the Merdeka 118 Precinct. The landmark project includes: PNB 118, a tower spanning over 3 million square feet of floor area, comprising 1.65 million square feet of rentable office space, the Park Hyatt Hotel, and an observation deck. PNB Merdeka Ventures has several projects in the pipeline including: a retail mall; a 1,000-seater theatre, an ideal venue for future culture and art shows, live music and entertainment; a ballroom fit to cater up to 2,000 guests; and a 3-acre Linear Park with water features, serving as open public spaces for Malaysians and visitors to enjoy against a spectacular backdrop of the PNB 118 Tower.

The PNB 118 Tower is expected to be completed in 2020 and will be supported by major infrastructure plans to improve accessibility to the Precinct either by public transport or by car. The Merdeka Mass Rapid Transit station (“MRT”) is already in operation. Foundation construction work for PNB 118 has been completed and infrastructure works will commence in early 2018 including the construction of two tunnels for vehicular access to the Tower. This will be complemented with access points via the Federal Highway and Duke 3 Expressway, which will create greater connectivity to and from the development.

-ENDS-

About PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad was incorporated in June 2000 and is the land owner and sole custodian of both Stadium Merdeka and Stadium Negara. Both stadiums have been listed as “National Heritage” sites in October 2005 under the National Heritage Act 2005. Thereafter PNB Merdeka Ventures carried out meticulous conservation efforts, earning Stadium Merdeka the UNESCO Award of Excellence for Culture Heritage Conservation Programme (Asia Pacific) in 2008.

About Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) is Malaysia’s leading fund management company with assets under management of over RM279 billion. PNB’s portfolio covers strategic investments in leading Malaysian corporates, global equity, private investments and real estate. For more information, please visit www.pnb.com.my.

About Park Hyatt

Park Hyatt hotels provide discerning, affluent business and leisure guests with elegant and luxurious accommodations. Guests of Park Hyatt hotels receive highly attentive personal service in an intimate environment. Located in several of the world's premier destinations, each Park Hyatt hotel is custom designed to combine sophistication with a distinctive regional character. Park Hyatt hotels feature well-appointed guestrooms, meeting and special event spaces for groups, critically acclaimed art, food and beverage program, and signature restaurants featuring award-winning chefs. There are currently 40 Park Hyatt hotels in the following locations: Abu Dhabi, Bangkok, Beaver Creek, Beijing, Buenos Aires, Busan, Canberra, Changbaishan, Carlsbad, Chennai, Chicago, Dubai, Goa, Guangzhou, Hamburg, Hangzhou, Hyderabad, Istanbul, Jeddah, Maldives, Mallorca, Melbourne, Mendoza, Milan, Moscow, New York, Ningbo, Paris, Saigon, Sanya, Seoul, Shanghai, Siem Reap, Sydney, Tokyo, Toronto, Vienna, Washington, D.C., Zanzibar, Zurich. For more information, please visit parkhyatt.com. Follow @ParkHyatt on [Facebook](https://www.facebook.com/ParkHyatt), [Twitter](https://twitter.com/ParkHyatt) and [Instagram](https://www.instagram.com/ParkHyatt), and tag photos with #LuxuryIsPersonal.

About Hyatt Hotels Corporation

Hyatt Hotels Corporation, headquartered in Chicago, is a leading global hospitality company with a portfolio of 13 premier brands. As of September 30, 2017, the Company's portfolio included 739 properties in 57 countries. The Company's purpose to care for people so they can be their best informs its business decisions and growth strategy and is intended to create value for shareholders, build relationships with guests and attract the best colleagues in the industry. The Company's subsidiaries develop, own, operate, manage, franchise, license or provide services to hotels, resorts, branded residences and vacation ownership properties, including under the ***Park Hyatt®***, ***Miraval®***, ***Grand Hyatt®***, ***Hyatt Regency®***, ***Hyatt®***, ***Andaz®***, ***Hyatt Centric®***, ***The Unbound Collection by Hyatt®***, ***Hyatt Place®***, ***Hyatt House®***, ***Hyatt Ziva™***, ***Hyatt Zilara™*** and ***Hyatt Residence Club®*** brand names and have locations on six continents. For more information, please visit www.hyatt.com.

Released by:

PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad

For further information, please contact:

Liza Karim - Head, Communications

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

Tel: +603-2050 5100 | Fax: 03-2050 5820 | E-mail: lizakarim@pnb.com.my

Karen Chung,

Karen Chung, RVP Global Communications, Asia Pacific

Hyatt Hotels and Resorts

Tel: +852 2768 1234 | E-mail: karen.chung@hyatt.com